TARIK UPIH

Permainan ini dimainkan pada waktu petang dihalaman rumah atau kawasan lapang. Ia lazimnya menjadi kegemaran kanak-kanak lelaki berumur tujuh tahun ke atas kerana aktiviti ini lasak. Permainan ini boleh dimainkan secara berpasangan dan perseorangan. Pemain-pemain bagi setiap pasukan akan ditentukan secara undian dan setiap pasukan mempunyai dua pemain. Seorang pemain akan menarik upih pinang dan seorang lagi akan duduk di atas upih sebagai penumpang.

Apabila isyarat dimulakan, setiap pasukan akan berusaha menarik upih untuk tiba dahulu digarisan penamat. Pasukan yang pertama sampai digaris penamat dikira pemenang dalam permainan ini. Jika penumpang terjatuh pemain yang menarik upih pinang dikehendaki berhenti dan mengambil semula penumpangnya. Bagi acara perseorangan pemain yang menarik upih akan berusaha menjatuhkan penumpang diatas upih pinang yang ditariknya. Jika penumpangnya tidak jatuh, maka ia menang satu pusingan. Pusingan dikira selepas pemain melepasi garisan penamat. Pemain yang berjaya memperolehi pusingan paling banyak akan menjadi pemenang.

.

TARIK UPIH

This activity usually takes place within the compound of the house or in any open space. The participants are usually boys aged seven years and above as it is quite a robust activity. It is both a team and individual event. The teams are decided by a selection process and each team consists of two members, namely a driver and a passenger. An areca nut palm frond is used as the vehicle on which the passenger sits and is pulled by the driver.

At the start signal the driver of each team takes off with his passenger in tow towards the finishing line. The first team to arrive at the finishing line is declared the winner. If the passenger falls of his ride, the driver must stop until the passenger is seated back again on the palm frond. The passenger wins the round if he succeeds remaining seated on the palm frond until the finishing line. The eventual winner declared depending on the number of rounds each player wins.



